

12 JUN 2002
MAHATHIR-LABUAN/I
LABUAN ADALAH PINTU LIBERALISASI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 12 Jun (Bernama) -- Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) Labuan akan menjadi pintu kepada liberalisasi pasaran kewangan Malaysia, kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada masyarakat perniagaan Luxembourg hari ini.

Sambil menyeru institusi-institusi Luxembourg supaya bertapak di pusat kewangan itu, beliau berkata bank dan institusi kewangan lain di Labuan boleh menerokai pasaran domestik.

"Saya difahamkan yang institusi di Luxembourg belum bertapak di Labuan walaupun lima penyertaan sekunder di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) mempunyai penyertaan utama di Bursa Saham Luxembourg," katanya dalam ucap tama beliau di satu pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan, pegawai bank dan pengurus dana.

Pertemuan itu diatur oleh Dewan Perniagaan Luxembourg, Persatuan Pegawai-Pegawai Bank Luxembourg dan Persekutuan Pengusaha Industri Luxembourg.

Dr Mahathir tiba di sini dari Geneva, Switzerland malam tadi untuk lawatan rasmi dua hari ke Luxembourg. Ia merupakan lawatan pertama seorang perdana menteri Malaysia.

Perdana Menteri berkata IOFC Labuan yang dilancarkan pada Oktober 1990, menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan luar pesisir kepada pelanggan seluruh dunia, iaitu perbankan luar pesisir dan pelaburan, insurans luar pesisir, perniagaan amanah, pengurusan dana, pegangan pelaburan, perkhidmatan pengurusan syarikat, aktiviti pasaran modal dan pembiayaan Islam.

Prasarana kewangan di Labuan telah terbangun dengan lebih 3,200 buah syarikat yang terdiri dari 50 buah bank luar pesisir termasuk tiga buah bank Islam, 103 buah entiti insurans termasuk sebuah pengendali insurans Islam, 12 buah pengurus dana, 24 buah syarikat sewa pajak, disokong oleh 18 buah syarikat amanah dan 41 buah penyedia perkhidmatan lain.

Dr Mahathir berkata IOFC Labuan akan terus mengembangkan aktivitinya dengan penubuhan LFX yang dipacu oleh pasaran.

Kini terdapat lapan penyertaan di LFX yang terdiri dari dua penyertaan utama dan enam penyertaan sekunder.

"Terdapat skop untuk instrumen kewangan disenaraikan di Bursa Saham Luxembourg mengadakan penyertaan sekunder di LFX bagi menerokai pasaran yang besar di rantau Asia Pasifik," katanya. -- BERNAMA

MFJ MKO SD JR NHD